

Sinar Harian 13/9/2018

Bot nelayan tiada dalam sistem pengesanan

M/S 8

LAHAD DATU - Bot nelayan dinaiki dua mangsa culik di kawasan perairan Pulau Gaya, Semporna kelmarin, tidak dilengkapi kemudahan keselamatan Sistem Pengesanan Automatik atau AIS.

Komander Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom), Datuk Hazani Ghazali berkata, sehubungan itu, pihaknya menasihatkan pengusaha kapal dan bot nelayan memasang

**NELAYAN /
DICULIK**

peralatan serta kemudahan berkenaan bagi memudahkan pihak berkuasa mengesan kedudukan mereka, sekali gus bertindak segera apabila berlaku sesuatu tidak diingini di laut.

"Pihak ESSCom telah berulang kali beri peringatan kepada pentingnya pemasangan peralatan ini.

"Malangnya, ada pengusaha masih gagal mematuhi," katanya. - Bernama